

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

SOALAN NO. 136

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyatakan sejauh mana keberkesanan silibus pelajar menengah bawah yang menggunakan silibus Skim Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM) telah diperkenalkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia bagi menambah baik jaminan kualiti pensijilan kemahiran di Malaysia.

KPM sedang mengambil tindakan bagi memastikan pelaksanaan SKKM dapat dilaksanakan dengan lancar di seluruh sekolah dan kolej vokasional (KV) dalam pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan dapat memberi impak kepada peningkatan kualiti kemahiran pelajar.

Untuk makluman, pelaksanaan SKKM ini sedikit sebanyak mengubah pelaksanaan pensijilan kemahiran di peringkat sekolah di KPM dari beberapa aspek, antaranya:

1. Pertambahan masa latihan terutama pensijilan di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM 3) dan ke atas;

NO. SOALAN: 136

2. Penyusunan semula jam kredit bagi *Competency Unit* (CU) selari dengan SKKM; dan
3. Penyelarasan proses penilaian pensijilan supaya memenuhi sistem pemarkahan selaras dengan SKKM.

Melalui perubahan dan penambahbaikan ini, KPM yakin kualiti dan tahap kemahiran pelajar yang mengikuti sijil kemahiran dapat dipertingkatkan.

RT15/136